

Perhalusi infrastruktur kewangan elak industri cemar alam sekitar

Oleh Dr Mohd Yusoff Ishak
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan,
Jabatan Alam
Sekitar, Fakulti
Perhutanan dan
Alam Sekitar,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Pendedahan ketidakpatuhan prosedur operasi standard (SOP) dalam Laporan Penilaian Impak Terhadap Alam Sekeliling (EIA) projek ladang hutan di Gunung Inas di Baling sangat membimbangkan. Ini kerana kita menaruh harapan agar mekanisme EIA mampu memulihara khazanah negara daripada ancaman degradasi alam.

Ini berlaku ketika Jawatankuasa Penilaian Teknikal Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati langkah pencegahan, mitigasi dan kawalan pencemaran adalah mencukupi. Matlamat EIA sebagai alat mengawal dan meminimumkan impak negatif terhadap alam sekitar dipacu Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) jelas gagal menghalang kerosakan alam.

Realitinya, bukan sedikit pemantapan dilaksanakan terhadap EIA daripada aspek penguatkuasaan, perwakilan kuasa kepada agensi sahabat dan penekanan kepada pematuhan kendiri. Namun, kita seolah-olah terperangkap dalam kerangka reaktif EIA-EMP apabila masih berharap instrumen ini supaya sinonim dengan pematuhan maksimum terhadap syarat ditetapkan JAS.

Bagaimanapun, sebahagian pemaju menunjukkan pematuhan hanya pada fasa awalan projek tetapi licik mentafsir lompong terhadap aktiviti ditetapkan dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling. Hasilnya, EIA kelihatan kaku apabila penerokaan kawasan tanpa had, malahan melebihi paras ketinggian 300 meter dari aras laut melampaui kawasan sensitif alam sekitar terus berlaku.

Hakikatnya, cabang perundangan ini seolah-olah membantutkan pemuliharaan alam lantaran tiada inovasi sejak mula diwartakan. Ini menghakis peluang negara mengecapi alam sekitar lebih mam-

pan, selain pihak industri sendiri hilang peluang meneroka proses mitigasi terbaik bagi membina daya saing.

Kegagalan melaksanakan EIA memberi beban sosioekonomi berat kepada kerajaan dan masyarakat dalam memulihara nyawa serta mengekalkan kemampunan alam. Demi memastikan kita tidak berterusan dirundung bencana malang, Malaysia memerlukan satu lagi anjakan polisi.

Kerangka baharu membawa pematuhan ialah pendekatan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam Pelaporan Kemampunan. Tiga kriteria ini menjurus bagaimana menguruskan risiko dan impak terhadap ekonomi, alam sekitar dan masyarakat bersabit lokasi dan operasi perniagaan.

Dalam ESG, kriteria alam sekitar adalah mengenai jejak karbon, impak dan kemampuan produk dalam rantaian bekalan. Kriteria sosial menjurus isu kesaksamaan, kepelbagaian gender, dasar pekerja inklusif serta dampak sosial ruang kerja, manakala tadbir urus berkisar interaksi dengan pihak berkepentingan dalam gaji, kepelbagaian kepemimpinan serta bagaimana syarikat memacu perubahan positif dalam era darurat iklim.

Perbankan cakna amalan, pendanaan mampan

Malaysia beruntung kerana institusi kewangan tempatan cakna amalan dan pendanaan mampan seiring pendekatan ESG dalam strategi, operasi serta pengurusan risiko. Ini terbukti melalui peningkatan bilangan dan mutu Laporan Kemampunan mandatori sejak 2016 diterima Bursa Malaysia.

Namun, kewujudan pemangkin bagi bencana bersifat tempatan seperti banjir dan pencemaran sungai memerlukan institusi kewangan sebagai sumber dana untuk memberi lebih makna kepada kemampunan. Contohnya, adakah bank boleh dikatakan mampan jika masih membayai projek atau membekalkan kemudahan akaun perbankan bagi kilang mencemarkan sungai?

Sewajarnya kriteria ESG diperhalusi supaya bersifat tempatan dan rentas sempadan agar boleh diadaptasi bagi membantu Malaysia membentuk ekosistem pemodal dan industri mampan. Mengambil contoh sektor sawit, negara perlu segera membina sistem pengiktirafan bebas membantu pemegang taruh dalam dan luar negara menilai syarikat Malaysia daripada segi prestasi alam sekitar, kesan sosial serta isu tadbir urus.

Inisiatif pelaporan ESG oleh syarikat senarai awam perlu diperluas supaya merangkumi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta agensi awam negeri dan persekutuan. Pembabitan PKS dan agensi kerajaan negeri bakal membantu usaha kerajaan menangani isu pencemaran kilang haram serta mengawal aktiviti guna tanah di bawah kerajaan negeri.

Harus difahami, ESG bukanlah beban tambahan, sebaliknya sumbangan kita selaras komitmen negara ke arah pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050. Ini membuka peluang pelaburan yang pemodal boleh memilih untuk melabur dalam syarikat diiktiraf pihak ketiga mempunyai rekod baik dalam tanggungjawab terhadap ketiga-tiga kriteria berkenaan.

ESG sebagai polisi dasar syarikat kerajaan negeri bakal memastikan semua projek pembangunan negeri mengambil kira bukan sahaja faktor alam sekitar, bahkan impak kepada penduduk serta menjamin tadbir urus telus. Lebih melegakan, ESG bermakna pengguna atau pemegang saham memiliki senjata kuat untuk memulihara kepentingan semua pihak sedang syarikat berusaha memaksimumkan keuntungan.

Sekarang masa semua pihak lebih kreatif dan realistik dalam menjana kriteria ESG untuk Malaysia terus membangun. Pada masa sama, memulihara alam sekitar, kemakmuran sosial dan tadbir urus baik. Agenda ESG berdasarkan input tempatan perlu dimulakan segera.